

BAB 1 PENGENALAN

Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) memberi penekanan khusus dalam menentukan corak perancangan fizikal negara melalui pembentukan strategi dan tindakan khusus meliputi corak pembangunan guna tanah, pertumbuhan ekonomi, pengkalan dan pengurusan sumber, penyepaduan dan penambahbaikan rangkaian pengangkutan dan infrastruktur negara dan penaiktarafan kualiti hidup dan kesejahteraan negara.

RFN4 disediakan melalui perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta mengambil kira dasar-dasar perancangan atau dasar-dasar lain yang berkaitan ke arah mencapai kemakmuran, kemampunan dan kesejahteraan negara.

RFN4 disediakan meliputi kawasan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, tidak termasuk Negeri Sabah dan Sarawak kerana kedua-dua negeri tersebut tertakluk kepada perundangan yang berbeza.



Keperluan Penyediaan RFN

Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan hierarki tertinggi dalam sistem perancangan guna tanah negara. Penyediaan RFN ini diperuntukkan di bawah Seksyen 6B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

RFN merupakan dokumen yang mengandungi pernyataan bertulis, dasar-dasar strategik dan tindakan sebagai panduan dan instrumen perancangan yang mencorakkan hala tuju pembangunan fizikal bagi seluruh kawasan perancangannya.

Dokumen ini memberi gambaran corak pembangunan spatial untuk tempoh perancangan bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Selaras dengan keperluan peruntukan di bawah subseksyen 6B(4), Akta 172, Rancangan Fizikal Negara hendaklah dikaji semula tiap-tiap lima tahun seiring dengan kajian semula Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara, atau jika dan apabila diarahkan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

RFN dijadikan rujukan utama yang diterjemahkan oleh agensi-agensi di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan bagi tujuan penyelarasan perancangan pembangunan dalam merealisasikan sebuah perancangan yang holistik, dinamik, berdaya tahan dan berdaya saing. Pelaksanaan dasar dan strategi sektoral yang digariskan memerlukan komitmen oleh agensi-agensi yang berkepentingan untuk melaksanakan dasar-dasar RFN bagi mencapai matlamat Negara Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera.

Fungsi Utama RFN

Dalam mencorakkan perancangan pembangunan negara, fungsi utama RFN adalah seperti berikut:




Rangka Kerja Spatial

Bertindak sebagai rangka kerja spatial bagi perancangan fizikal di peringkat nasional, wilayah, negeri dan tempatan.



Memandu Arah Pembangunan Seimbang dan Holistik

Memandu pelaksanaan perancangan pembangunan yang seimbang antara wilayah (*inter* dan *intra*) dan di antara bandar dan luar bandar.



Rangka Kerja Pembangunan Ekonomi

Rangka kerja yang membantu ke arah peningkatan daya saing negara selaras dengan keperluan Rancangan Malaysia Lima Tahun.



Terjemahan Komitmen Negara di Peringkat Global

Menterjemahkan komitmen utama negara di peringkat global dan antarabangsa seperti *New Urban Agenda* (NUA) dan *Sustainable Development Goals* (SDGs).




Instrumen Penyelarasan Perancangan Pembangunan

Menjadi asas kepada penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam pengukuhan polisi-polisi sektoral dan hala tuju pembangunan negeri.

Bangunan menara berkembar Kuala Lumpur (KLCC) yang terletak di pusat bandar Kuala Lumpur turut menjadi mercu tanda negara.

Rangka Kerja Perancangan Spatial Negara

Rangka kerja pembangunan negara dapat diklasifikasikan kepada tiga (3) peringkat utama iaitu peringkat perancangan negara, diikuti dengan perancangan wilayah dan negeri serta perancangan di peringkat tempatan. Setiap peringkat ini mempunyai dokumen rancangan pembangunan khusus sebagai output utama dan menjadi rujukan dalam membentuk strategi dan tindakan pelaksanaan di setiap peringkat (rujuk **Rajah 1-1**).



 Dokumen Perancangan Spatial yang termaktub dalam Akta 172

Rajah 1-1: Rangka Kerja Pembangunan Negara

Sumber: Akta 172, Manual Rancangan Struktur Versi 2021, Manual Rancangan Tempatan (2020) dan RFN4, 2020

Kronologi RFN

Penyediaan RFN telah bermula pada tahun 2005 dengan matlamat untuk membentuk rangka spatial negara yang efisien ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020. Matlamat RFN Pertama ini diperkukuhkan dalam RFN2 yang memberi penekanan terhadap status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ia juga melibatkan pengintegrasian kemakmuran ekonomi, persekitaran dan perpaduan sosial seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020.

FAKTA RINGKAS

Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada tahun 1991 mengandungi tiga (3) fasa pelaksanaan dan tiga (3) dimensi khusus iaitu pendapatan yang tinggi, kemampanan dan keterangkuman (inklusiviti).

Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 telah dilancarkan pada Oktober, 2019. WKB 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

2005

RFN1

MATLAMAT:

Pembentukan Satu Rangka Spatial Negara yang Efisien, Saksama dan Mampan, untuk Memandu Pembangunan Keseluruhan Negara Ke Arah Mencapai Tahap Negara Maju Menjelang Tahun 2020

KAWASAN PERANCANGAN :
Semenanjung Malaysia

TEMPOH PERANCANGAN :
2005 – 2020


TEMPOH PELAKSANAAN :
2006 – 2010

PERSETUJUAN MJM :
20 April 2005

KELULUSAN MPFN :
Bil. 4/2005 : 26 April 2005

FOKUS :

Strategi yang bercirikan '*Selective Concentration*' telah diperkenalkan dan memberi tumpuan kepada pembangunan tiga konurbasi utama iaitu Kuala Lumpur, George Town dan Johor Bahru sebagai lokasi simbolik yang mampu memacu aspirasi negara mencapai Wawasan 2020 dan K-Ekonomi.



2010

RFN2

MATLAMAT:

Pembentukan Satu Rangka Kerja Spatial Negara Yang Efisien, Saksama dan Mampan untuk Memandu Pembangunan Keseluruhan Negara Ke Arah Mencapai Status Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi Menjelang Tahun 2020

KAWASAN PERANCANGAN :
Semenanjung Malaysia

TEMPOH PERANCANGAN :
2010 – 2020

TEMPOH PELAKSANAAN :
2011 – 2015

PERSETUJUAN MJM :
11 Ogos 2010

KELULUSAN MPFN :
Bil. 2/2010: 13 Ogos 2010

FOKUS :


Malaysia mampu mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 dan Model Baru Ekonomi (MBE) melalui konsep '*Concentrated Decentralisation*'.



RFN3 disediakan bagi meneruskan aspirasi serta hasrat pembangunan RFN terdahulu dengan memperkenalkan pembaharuan bercirikan negara berdaya tahan dan berdaya huni. Manakala, RFN4 meneruskan langkah mendokong hasrat RFN3 dengan merancakkan lagi pembangunan yang berupaya memupuk kemakmuran, berdaya tahan dan sejahtera. **Rajah 1-2** menunjukkan aspek yang diperkukuh dalam penyediaan RFN4.



Rajah 1-2: Aspek yang diperkukuh dalam penyediaan RFN4
Sumber: RFN4, 2020

2015 RFN3  MATLAMAT: Mencapai Negara yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni bagi Memastikan Pertumbuhan yang Mampan dan Berterusan Selepas Tahun 2020 KAWASAN PERANCANGAN : Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pemakaian di Sarawak hanya melibatkan perkara strategik yang merentas sempadan TEMPOH PERANCANGAN : 2015 – 2040 TEMPOH PELAKSANAAN : 2016 – 2020 PERSETUJUAN MJM : 25 Januari 2017 KELULUSAN MPFN : Bil. 1/2016 : 21 Julai 2016 FOKUS : Perancangan fizikal dan spatial menjurus kepada keterangkuman fokus utama iaitu Pertumbuhan (<i>Growth</i>), Daya Tahan (<i>Resiliency</i>), Daya Huni (<i>Liveability</i>) dan Kemampanan (<i>Sustainability</i>).	2020 RFN4  MATLAMAT: Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera KAWASAN PERANCANGAN : Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan TEMPOH PERANCANGAN : 2020 – 2040 TEMPOH PELAKSANAAN : 2021 – 2025 PERSETUJUAN MJM : Oktober 2021 KELULUSAN MPFN : Bil. 3/2021 : 21 Oktober 2021 FOKUS : Memperkukuhkan teras pembangunan melalui konsep 'Ekosistem Spatial yang Komprehensif' yang memberi penekanan kepada perancangan keselamatan negara, pembangunan bercirikan pintar, jaminan sekuriti makanan, negara neutral karbon, pembangunan modal insan ke arah mencapai Kemakmuran, Kemampanan dan Kesejahteraan Negara.
---	--

Pelaksanaan RFN3

RFN3 merupakan kajian semula bagi RFN2 yang memberi penekanan kepada prinsip pembangunan dan perancangan yang mampan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, progresif, inklusif, berdaya tahan dan berdaya huni. Tempoh perancangan bagi RFN3 ini bukan sekadar mencapai pertumbuhan yang berterusan sehingga tahun 2020 tetapi sehingga menjelang tahun 2040.

Teras utama RFN3 terbahagi kepada tiga (3) iaitu **Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar, Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim, dan Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni**. Pengkhususan ketiga-tiga teras ini berupaya memacu prestasi pembangunan fizikal negara yang memberangsangkan. RFN3 telah mensasarkan sebanyak 46.1 juta penduduk Malaysia menjelang tahun 2040. Sehingga tahun 2018, jumlah penduduk negara telah mencapai 32.4 juta orang. Pertumbuhan penduduk ini disokong oleh tahap perbandaran yang telah mencapai 75.6% pada tahun 2018. Ini adalah selaras dengan sasaran tahap perbandaran RFN3 iaitu 77% menjelang tahun 2020.



Kesan perbandaran dan pertumbuhan ekonomi mempengaruhi corak pembangunan guna tanah yang ketara. Langkah proaktif terus diterapkan dalam RFN3 untuk mengawal dan memastikan keseimbangan pembangunan spatial seterusnya mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan pembangunan yang saksama. RFN3 mensasarkan nilai pekali gini mencapai tahap 0.385 bagi tahun 2020 selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11 yang bertujuan untuk menambah baik ketidakseimbangan pendapatan penduduk. Walau bagaimanapun berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, pencapaian pekali gini adalah 0.407 pada tahun 2019 berbanding 0.399 pada tahun 2016 dan ini menunjukkan jurang pendapatan semakin melebar dalam tempoh tersebut.



Pelabuhan Klang merupakan pelabuhan di Malaysia yang memberi sumbangan besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Jaringan perhubungan dan infrastruktur pengangkutan terus dimantapkan di dalam RFN3 melalui cadangan pembinaan beberapa jalan dan rel yang menghubungkan dan memendekkan jarak perjalanan di antara wilayah. Cadangan Koridor Rel Pantai Timur adalah antara cadangan yang berupaya memendekkan masa perjalanan dari Pantai Timur ke Kuala Lumpur dan Selangor. Cadangan ini juga berupaya menggalakkan pertumbuhan dinamik di kawasan bandar dan luar bandar.


Pelaksanaan cadangan ini turut mengambil kira aspek pemeliharaan dan pemuliharaan aset-aset semula jadi dan warisan negara. RFN3 terus memberi penekanan untuk mencapai 50% kawasan litupan hutan menjelang tahun 2040. Pada tahun 2019, litupan hutan di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 43.5%.

"RFN3 terus memberi penekanan untuk mencapai 50% kawasan litupan hutan menjelang tahun 2040."

RFN3 membentuk 1 matlamat, 9 hala tuju strategik, 38 strategi dan 109 tindakan. Penilaian terhadap tahap pelaksanaan strategi RFN3 menunjukkan bahawa daripada keseluruhan 38 strategi pembangunan yang digariskan, 21 strategi (55%) telah dilaksanakan dan 17 strategi (45%) masih dalam pelaksanaan (rujuk **Rajah 1-3**). Ini adalah kerana tempoh masa yang singkat sukar untuk melaksanakan strategi ini secara menyeluruh seperti Strategi KD2.2 Mengurus Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi yang mana antara tindakannya adalah memulihara kawasan persisiran pantai, menyediakan garis panduan bagi pengurusan bencana alam, menyediakan sistem amaran berlaku bencana dan sebagainya.

Bagi strategi-strategi yang masih dalam pelaksanaan, tempoh masa yang lebih panjang diperlukan untuk dilaksanakan secara menyeluruh. Penyediaan RFN4 mengambil kira penemuan di dalam Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN3 (LPPP RFN3).

Semua strategi di dalam RFN3 dicadangkan untuk dikekalkan agar kesinambungan pencapaian dapat diteruskan. Namun begitu terdapat ruang-ruang penambahbaikan perlu dibuat terhadap tindakan dan indikator yang ada di dalam RFN3 agar ia lebih jelas dan mudah dinilai serta dipantau pada masa hadapan.



Pencapaian ini dinilai berdasarkan 82 indikator



RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3 (RFN3)

Matlamat : Negara yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni

3 Teras

9 Hala Tuju Strategik

38 Strategi

109 Tindakan

Teras 1:

Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar

PD1: Pertumbuhan Bandar yang Seimbang

PD 1.1	Memperkuuhkan Kawasan Pertumbuhan
PD 1.2	Mempertingkatkan Daya Saing Bandar
PD 1.3	Memperkuuhkan Sektor Perkhidmatan
PD 1.4	Memperkuuhkan Kluster Perindustrian
PD 1.5	Memperkuuhkan Pelabuhan Pintu Masuk dan Industri Logistik
PD 1.6	Meningkatkan Pembangunan Modal Insan dan Pengetahuan Intensif

Teras 2:

Kemampuan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim

KD1: Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan

KD 1.1	Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Aset Ekologi Negara
KD 1.2	Mengurus dan Mengawal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)
KD 1.3	Meningkatkan Jaminan Dan Kelestarian Sumber Air.
KD 1.4	Mengurus Penerokaan Sumber Mineral
KD 1.5	Menyumbang Kepada Jaminan Bekalan Makanan
KD 1.6	Memperkuuhkan Perlindungan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Arkeologi dan Semula Jadi Negara

Teras 3:

Pembentukan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni

KI1: Persekitaran Kehidupan Lengkap dan Berkualiti

KI 1.1	Menyediakan Perumahan yang Sesuai di Lokasi yang Sesuai
KI 1.2	Meningkatkan Akses Kepada Kemudahan Masyarakat Berkualiti
KI 1.3	Meningkatkan dan Memudahkan Akses Kepada Ruang Pekerjaan dan Ekonomi

PD2: Pembangunan Luar Bandar yang Bersepadu

PD 2.1	Memfaatkan Sumber Tempatan
PD 2.2	Meningkatkan Aktiviti Rantaian Nilai Bagi Ekonomi Berasaskan Pertanian
PD 2.3	Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Kemudahan Luar Bandar

KD2: Perancangan Guna Tanah Holistik

KD 2.1	Mengoptimalkan Guna Tanah dan Ketersediaan Tanah
KD 2.2	Mengurus Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi
KD 2.3	Mengurus Pertumbuhan dan Rebakan Pembangunan
KD 2.4	Mengurus Pembangunan Luar Bandar Secara Bersepadu

KI2: Persekitaran Komuniti Berdaya Huni

KI 2.1	Menjadikan Ruang Awam Sebagai Ruang Aktif Integrasi Komuniti
KI 2.2	Memperkuuhkan Kepentingan Budaya dan Warisan
KI 2.3	Mewujudkan Persekitaran Selamat
KI 2.4	Mengarusperdanakan Gaya Hidup Sihat dan Bersih

PD3: Hubungan Akses yang Dipertingkatkan

PD 3.1	Membangunkan Rangkaian dan Perhubungan Pengangkutan Jalan Raya
PD 3.2	Membangunkan Sistem Rangkaian Keretapi yang Komprehensif
PD 3.3	Mempertingkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Air
PD 3.4	Meningkatkan Perhubungan Udara Serantau dan Tempatan
PD 3.5	Mengembangkan dan Meningkatkan Infrastruktur Digital

KD3: Bandar Rendah Karbon dan Infrastruktur Mampan

KD 3.1	Mewujudkan Bandar dan Pembangunan Rendah Karbon
KD 3.2	Merealisasikan Penggunaan Sumber Tenaga Mampan
KD 3.3	Melaksanakan Pengurusan Kitaran Air Bersepadu
KD 3.4	Membangunkan Mobiliti Rendah Karbon
KD 3.5	Menguatkan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu dan Mampan

KI3: Keterlibatan dan Kolaborasi Komuniti

KI 3.1	Mempergiatkan Penglibatan Komuniti
KI 3.2	Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Pintar dalam Pembangunan Komuniti

Petunjuk:

☐	Strategi Telah Dilaksanakan
☐	Strategi Dalam Pelaksanaan

Rajah 1-3: Status Pelaksanaan Strategi RFN3

Sumber: Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN3 (LPPP RFN3), 2019

Penyediaan RFN4

Negara berhadapan dengan beberapa cabaran utama yang memerlukan perancangan yang sistematik dan berdaya laksana. Isu-isu perbandaran, ketidakseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar, perancangan keselamatan, jaminan sekuriti makanan, pengurusan hutan, pembangunan modal insan dan kualiti hidup merupakan antara cabaran utama yang perlu diberi pertimbangan khusus dalam perancangan pembangunan negara. Penularan wabak Covid-19 juga telah memberi kesan terhadap perancangan dan pembangunan fizikal negara. Hala tuju baru perlu diperkemas untuk memandu perancangan dan pembangunan fizikal dalam era dan pasca Covid-19. Justeru itu, RFN4 telah memperkenalkan strategi dan tindakan khusus bagi menangani cabaran-cabaran tersebut untuk dijadikan panduan di peringkat nasional, wilayah, negeri dan tempatan.

Pertimbangan Khusus

Penyediaan RFN4 telah mengambil kira cabaran-cabaran utama dalam membentuk sebuah rangka kerja pembangunan negara yang komprehensif. Aspirasi bagi RFN Pertama, Kedua dan Ketiga membentuk sebuah sinergi dalam memberi gambaran dan keperluan yang perlu ditekankan dalam RFN4.

Dalam memastikan RFN4 sentiasa relevan dengan kehendak perancangan semasa, perspektif baharu diberikan supaya perancangan spatial selaras dengan peralihan trend pembangunan. Idea-idea baru bercirikan pembangunan pintar, mampan, berdaya tahan dan sejahtera diperkenalkan secara inklusif dan mempunyai daya laksana di peringkat nasional, wilayah, negeri dan tempatan.

Antara pertimbangan lain yang diambil kira adalah seperti berikut:

- i. Pencapaian dan keperluan penambahbaikan RFN terdahulu;
- ii. Dapatan bagi setiap bidang kajian serta input kolaborasi daripada pemegang taruh;
- iii. Prospek dan cabaran perancangan semasa;
- iv. Senario dan situasi semasa negara seperti perkembangan politik, perubahan iklim, risiko bencana semula jadi, jaminan sekuriti makanan, pengurusan sumber air, pemeliharaan dan pemuliharaan aset warisan, kualiti hidup yang akan memberi kesan dalam proses pelaksanaan strategi dan tindakan;
- v. Implikasi daripada isu penularan pandemik Covid-19;
- vi. Komitmen negara dalam merealisasi dasar di peringkat antarabangsa dan nasional;
- vii. Keperluan untuk mengadaptasi trend pembangunan semasa dan inisiatif yang telah diamalkan di peringkat global yang merangkumi Revolusi Industri 4.0 (4IR) dan *Internet of Things* (IoT); dan
- viii. Amalan terbaik dari negara-negara maju dan membangun sebagai aspirasi pembangunan negara.

Kawasan Perancangan

Kawasan perancangan RFN4 (rujuk **Rajah 1-4**) disediakan khusus bagi kawasan berikut:


Semenanjung Malaysia

Semenanjung Malaysia (bersempadan Negara Thailand di bahagian utara dan Negara Singapura di bahagian selatan) terdiri daripada sebelas (11) negeri dan dua Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) dengan kawasan seluas 13,181,197 hektar.

Wilayah Persekutuan Labuan

Wilayah Persekutuan Labuan (W.P. Labuan) meliputi sebuah pulau utama dan enam (6) buah pulau kecil serta kawasan perairan di sekitar pulau-pulau tersebut yang meliputi kawasan seluas 9,967.86 hektar (kawasan darat) dan kawasan perairan seluas 58,924.51 hektar.

Kawasan perancangan RFN4 hanya merangkumi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan tidak termasuk Negeri Sabah dan Sarawak kerana negeri-negeri tersebut tidak mengguna pakai Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan telah mempunyai Pelan Struktur Negeri. Di bawah perkara 95e, Perlembagaan Persekutuan Negeri Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam rancangan negara bagi penggunaan tanah, kerajaan tempatan dan sebagainya.



● **SEMANANJUNG MALAYSIA**

Keluasan 13,181,197 hektar
11 buah Negeri dan
2 Wilayah Persekutuan

● **W.P. LABUAN**

Keluasan 68,892.37 hektar
9,967.86 hektar (kawasan darat)
58,924.51 hektar (kawasan perairan)


Rajah 1-4: Kawasan Perancangan RFN4
Sumber: RFN4, 2020

Tempoh Perancangan (2021 – 2040)

Bagi memastikan pelaksanaan strategi-strategi dan tindakan pada setiap peringkat perancangan, **RFN4 mencadangkan tiga (3) peringkat pelaksanaan iaitu pelaksanaan peringkat pertama (2021 – 2025), pelaksanaan peringkat kedua (sehingga 2030) dan pelaksanaan peringkat ketiga (sehingga 2040).** Tempoh perancangan ini adalah penting dalam memastikan setiap strategi dan tindakan RFN4 dapat dilaksanakan sebaiknya. Penilaian awalan mendapati terdapat strategi dan tindakan yang dicadangkan di dalam RFN4 dapat dilaksanakan di peringkat pertama dan kedua. Namun, terdapat juga cadangan tindakan-tindakan yang hanya dapat dilaksanakan secara berperingkat serta memerlukan tempoh masa yang panjang. Kesenambungan pelaksanaan setiap tindakan juga adalah perkara yang perlu dititik beratkan supaya sasaran yang telah diunjurkan dapat dicapai berasaskan indikator-indikator yang telah dibentuk.

Takrifan Peringkat Pelaksanaan RFN4:

PERINGKAT PERTAMA 2021 - 2025	PERINGKAT KEDUA 2026 - 2030	PERINGKAT KETIGA 2031 - 2040
Satu jangka masa bagi sesuatu tindakan dapat dilaksanakan dalam masa terdekat bagi tempoh 5 tahun dan telah diterapkan dalam RMKe-12 sehingga tahun 2025.	Satu jangka masa bagi sesuatu tindakan dapat dilaksanakan dalam tempoh 5 ke 10 tahun dan perlu diambil kira dalam penyediaan RMKe-13 sehingga tahun 2030.	Satu jangka masa bagi sesuatu tindakan dapat dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun serta mengambil kira keperluan perancangan semasa sehingga tahun 2040.



Rajah 1-5: Tempoh Pelaksanaan dan Tahun Sasaran bagi setiap RFN
Sumber: RFN4, 2020

Rajah 1-5 menunjukkan tempoh pelaksanaan dan tahun sasaran RFN terdahulu serta perbandingannya dengan RFN4. **Perincian senarai strategi dan tindakan yang akan dilaksanakan bagi setiap tempoh ini diperincikan di Bab 8 Pengurusan dan Pelaksanaan RFN.**

Proses Rundingan

Subseksyen 6B(5) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memperuntukkan tugas am Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membantu dalam memastikan bahawa matlamat RFN tercapai. Sehubungan dengan itu, pendekatan secara rundingan dan perbincangan dengan semua agensi pelaksana, Pihak Berkuasa Negeri serta pihak-pihak berkepentingan telah dilaksanakan sepanjang proses pembentukan RFN4. Tujuan perundingan adalah bagi mendapatkan input dan penyelarasan dasar dengan kementerian dan agensi-agensi di peringkat persekutuan dan negeri untuk diselaraskan dalam penyediaan RFN4 bagi memastikan pelaksanaannya menepati dan selaras dengan keperluan serta kehendak pihak berkepentingan dengan lebih tepat dan dijadikan sebagai dokumen bersama di mana komitmen berterusan dalam pelaksanaan dapat diperolehi.

Penggunaan RFN4

Rancangan Fizikal Negara Keempat memberi penekanan khusus dalam menentukan corak perancangan fizikal negara melalui pembentukan strategi dan tindakan khusus meliputi corak pembangunan guna tanah, pertumbuhan ekonomi, pengkalan dan pengurusan sumber, penyepaduan dan penambahbaikan rangkaian pengangkutan, infrastruktur negara dan penaiktarafan kualiti hidup serta kesejahteraan negara ke arah Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera.

RFN4 menetapkan rangka kerja perancangan dan pembangunan spatial bagi penterjemahan kepada tindakan perancangan yang lebih terperinci untuk pelaksanaan di pelbagai peringkat. Tindakan-tindakan penterjemahan RFN4 diambil kira melalui:

1. Peringkat Kerajaan Persekutuan bagi penentuan strategi pelaksanaan oleh agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan cadangan-cadangan projek dan program;
2. Peringkat Kerajaan Negeri menterjemah cadangan umum bagi pembangunan dan kegunaan tanah melalui dokumen Rancangan Struktur / Pelan Struktur. Penyediaan Rancangan Struktur / Pelan Struktur ini menjadi instrumen yang memandu pembangunan spatial bagi menangani isu-isu utama negeri;
3. Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan perlu menjadikan RFN4 sebagai rujukan utama dalam permohonan peruntukan projek di mana keutamaan peruntukan kewangan perlu diberikan kepada projek - projek yang selaras dengan RFN4.



Beberapa siri Focus Group Discussion telah diadakan sepanjang tempoh penyediaan RFN4

Struktur Kandungan RFN4

Dokumen RFN4 merangkumi lapan (8) bab yang akan dijadikan rujukan agar perancangan fizikal negara selari dengan matlamat dan hala tuju strategi peringkat global dan nasional.

BAB 1

Pengenalan

Menjelaskan RFN secara umum dari segi fungsi, kronologi dan pertimbangan penyediaan dokumen serta tempoh pelaksanaannya.

BAB 2

Konteks Perancangan Semasa

Menggariskan penemuan utama yang menjadi asas rujukan pembentukan strategi dan tindakan berpandukan hasil penilaian dan analisis.

BAB 3

Matlamat dan Hala Tuju Pembangunan RFN4

Memperkenalkan matlamat RFN4 serta perincian yang dipertimbangkan dalam formulasi matlamat, hala tuju strategik, strategi dan tindakan.

BAB 4

TERAS 1 – Pertumbuhan Dinamik dan Seimbang

Menggariskan hala tuju strategik yang dipandu oleh strategi dan tindakan secara terperinci meliputi aspek perancangan negara dalam konteks global, pertumbuhan ekonomi, perancangan pengangkutan dan infrastruktur digital dan pintar.

BAB 5

TERAS 2 – Kemampunan Spatial dan Daya Tahan Perubahan Iklim

Menggariskan hala tuju strategik yang dipandu oleh strategi dan tindakan secara terperinci meliputi aspek perancangan guna tanah yang mampan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta pengurusan risiko bencana.

BAB 6

TERAS 3 – Persekitaran Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif

Menggariskan hala tuju strategik yang dipandu oleh strategi dan tindakan secara terperinci meliputi aspek perancangan perumahan, pembangunan modal insan dan penglibatan komuniti dalam pembangunan.

BAB 7

Pelan Pengurusan Spatial Negeri

Memperincikan dan menterjemah strategi dan tindakan pelan spatial negara dalam konteks setiap negeri di kawasan perancangan RFN4.

BAB 8

Pengurusan dan Pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara

Memperincikan mekanisme pengurusan dan pelaksanaan RFN4.